



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 12/2021**

20 DISEMBER 2021, ISNIN

09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.12/2021 bagi bulan Disember** pada pagi yang berbahagia ini.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

SITUASI BANJIR NEGERI SELANGOR

2. Seperti semua sedia maklum, Negara kini sedang dilanda musibah banjir akibat hujan yang turun tanpa henti bermula 17hb Disember 2021 dan masih berterusan di beberapa kawasan sehingga hari ini.
3. Negeri Selangor antara kawasan yang teruk terjejas terutama di Daerah Klang, Petaling, Sepang, Kuala Langat, dan Kuala Selangor. Untuk makluman MPS telah menghantar anggota dan juga aset seperti lori dan kenderaan untuk membantu pihak MBSA dan agensi kerajaan yang lain yang kini sedang bertungkus lumus menyelamatkan mangsa-mangsa banjir di Shah Alam. Semoga bantuan kecil daripada MPS ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka.
4. Manakala bagi di kawasan pentadbiran Selayang, MPS telah menerima aduan tanpa henti terutama berkaitan pokok tumbang dan juga tanah runtuh akibat hujan tanpa henti di seluruh kawasan pentadbiran MPS.

5. Sehingga 19 Disember 2021, Sebanyak **9** Aduan berkaitan pokok tumbang, **25 kejadian tanah** runtuh dan **1** banjir lumpur telah diterima oleh MPS. Kerja-kerja pembersihan jalan dan longkang juga telah dilaksanakan oleh jabatan di beberapa kawasan.
6. Sehubungan dengan itu, bilik gerakan bencana MPS telah diaktifkan dan beroperasi 24 jam. Orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol 1800 222 677 untuk sebarang aduan. Terima kasih kepada team MPS terutama dari jabatan-jabatan teknikal dan juga Unit Pantas yang telah bertungkus lumus sedaya upaya menyelesaikan setiap aduan yang diterima.
7. MPS juga sentiasa berkomunikasi dan berkoordinasi dengan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak yang merupakan pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Gombak dengan memastikan aset-aset jentera dalam keadaan siap siaga dan mengaktifkan pusat pemindahan sementara di Dewan Sri Siantan.
8. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua termasuk ahli -ahli majlis MPS sendiri yang telah bertungkus-lumus memberi bantuan kepada semua mangsa akibat bencana banjir ini di kawasan pentadbiran Selayang.

PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

9. Seperti semua sedia maklum, selaras dengan pengumuman Kerajaan Negeri dalam pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Kedua kepada semua penjawat awam di Negeri Selangor, MPS akan mengagihkan BKK tersebut iaitu satu bulan gaji dengan minimum RM1,000.00 kepada Ahli-Ahli Majlis dan semua kakitangan MPS pada 29 Disember 2021.
10. Dikesempatan ini, saya ingin ucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor di atas pengumuman ini dan diharapkan dengan insentif tersebut dapat meningkatkan lagi motivasi dan kualiti kerja dalam mencapai sasaran kerja tahun 2022.

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA BAGI MESYUARAT JAWATANKUASA

11. Adalah dimaklumkan, Majlis Perbandaran Selayang dengan sukacitanya telah bersetuju melantik Tuan Deveandran A/L Selvaraju, Ahli Majlis Zon 7 sebagai Ahli Jawatankuasa Infrastruktur manakala Puan Zuraidah binti Abdul Majid, Ahli Majlis Zon 21

sebagai Ahli Jawatankuasa Kewangan mulai Januari 2022. Saya berharap dengan pelantikan ini Ahli Majlis yang dilantik dapat menyumbang idea dan melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

12. Untuk makluman, sehingga 30 November 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM96.41 juta (88.45%) daripada RM109 juta.
13. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM6.3 juta (77.38%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
14. MPS telah mengeluarkan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM100.00 kepada pemilik kawasan komersial dan industri yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas bermula 21 Oktober 2021. Sebanyak 6,798 waran telah dikeluarkan dan 2,388 keping waran telah dihantar sehingga 30 November 2021.
15. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan pegangan masing-masing.

16. MPS juga sedang mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan 100% dan pengurangan caj dikenakan 50% akan diberikan. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS. Tempoh bayaran adalah sehingga 31 Disember 2021.
17. Untuk makluman sehingga bulan Disember, sebanyak 61,544 orang telahpun mendaftar sebagai pengguna portal myMPS. Bagi menghargai pembayar cukai taksiran yang telah mendaftar bil digital dan menggunakan portal MyMPS, MPS bersetuju untuk mengadakan program cabutan bertuah kepada pembayar cukai taksiran MPS yang membuat bayaran secara dalam talian. Tempoh akhir untuk menyertai cabutan bertuah ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021. Bayaran boleh dilakukan di mymps.mps.gov.my.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, IMBASAN SEPANJANG TAHUN 2021

18. Seperti yang semua maklum, pada hari ini adalah merupakan Mesyuarat Majlis yang terakhir dan kita sudah pun berada di penghujung tahun 2021. Sepanjang tahun ini, MPS telah berjaya mengharungi cabaran di era pandemik Covid-19 dan berjaya mencapai kejayaan-kejayaan di peringkat kerajaan tempatan, negeri dan sebagainya. Justeru pada pagi ini, saya ingin berkongsi pencapaian-pencapaian tersebut yang merupakan pencapaian kita bersama.

19. Pertamanya, bagi kutipan tunggakan cukai taksiran, MPS telah mencapai 77.38 % iaitu sebanyak RM 6.3juta bagi tempoh sehingga November 2021. Untuk makluman, kutipan cukai taksiran semasa penggal pertama 2021 adalah 95.67 % iaitu sebanyak 51.66 juta dan penggal kedua sehingga November 2021 adalah sebanyak 81.36% bersamaan RM44.74 juta. Prestasi cukai pada tahun ini menunjukkan hasil yang lebih baik daripada tahun 2020 berikutan daripada penggunaan aplikasi secara dalam talian seperti MyMPS, JomPay dan PebtPay yang mana telah memudahkan pengguna untuk membuat pembayaran.

20. Selain itu, bagi prestasi pencapaian keseluruhan hasil sehingga November 2021 adalah sebanyak RM177.34 juta atau 89.01% daripada anggaran tahunan MPS manakala bagi prestasi perbelanjaan sehingga November adalah sebanyak RM144.46 juta atau 72.51%. MPS juga kehilangan hasil sebanyak RM1,534,968.00 selepas pengecualian diberikan kepada 3,935 penyewa bagi bayaran sewaan gerai dan denda yang melibatkan bulan Januari, Jun, Julai dan Ogos.
21. Pada tahun ini juga, MPS telah membawa 103 perkara bantahan dan syor daripada Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Program Draft Rancangan Tempatan MPS2030(Penggantian) untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor dan telahpun dipersetujui dan akan diangkat untuk persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.
22. Berdasarkan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2030 (Penggantian), cadangan untuk memperkukuhkan produk pelancongan terutamanya tapak-tapak yang telah dikenalpasti sebagai lokasi geotapak telah diambilkira selaras dengan penyediaan Projek Geopark Gombak - Hulu Langat (Geopark GHL). Usaha bagi kerja-kerja promosi dan pembangunan serta

perbincangan dengan pemegang taruh dan pihak berkepentingan giat dijalankan seperti melantik dan menggerak ahli Badan Pengurusan bagi mempromosikan pembangunan Geopark GHL secara lestari dan persediaan ke arah penilaian Geopark Kebangsaan pada tahun 2022.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

23. Seperti semua maklum, MPS telah memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan hotspot untuk mendapatkan maklumat berkaitan trend penghasilan atau pembuangan sampah di kawasan terlibat serta untuk memantau kutipan sampah oleh pihak KDEBWM Sdn Bhd terutama di kawasan rumah sampah. Untuk makluman, pada November 2021, sebanyak 72 kompaun telah dikeluarkan dan 6 kompaun telah dijelaskan bayaran kepada MPS.
24. Untuk makluman juga, sehingga November 2021, sebanyak 203,534.55 tan sampah telah dijana diseluruh kawasan MPS ke tapak pelupusan sampah termasuk sisa sampah domestik dan sisa sampah pukal berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak 228,332.14 tan. MPS juga sentiasa komited dalam memastikan pengurusan sampah dapat dijalankan dengan baik bagi menjamin kesejahteraan serta kesihatan masyarakat di perbandaran Selayang. Misalnya,

pada tahun in, MPS telah menjalankan projek pengindahan di tapak sampah longgok di Taman Daya, Kepong, Taman Jasa, Utama Gombak dan New Green Park, Rawang dengan menggunakan pallet kayu dan tayar terpakai dan projek ini akan terus diperluaskan di kawasan-kawasan lain juga.

25. Selain itu, bagi meringankan beban masyarakat di kawasan pentadbiran Selayang dalam menghadapi Covid-19, MPS telah mengeluarkan permit meja lipat sebanyak 957 permit dari bulan Januari sehingga November 2021 setelah mengambil kira bebanan yang dihadapi oleh para peniaga. Selain itu, melalui Ahli-Ahli Majlis kawasan, MPS bersama syarikat-syarikat korporat juga telah mengadakan program CSR iaitu Program Selayanku Sayang untuk menghulurkan bantuan barangan keperluan asas dan bakul makanan kepada masyarakat setempat.

26. Menyentuh mengenai pencapaian-pencapaian MPS sepanjang tahun 2021, bagi saya MPS telah mencapai prestasi yang membanggakan. Antaranya ialah pasukan SMART SCAPE daripada Jabatan Landskap telah berjaya merangkul tempat kedua dalam pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor melalui ciptaan My Auger All In One dan turut menerima Anugerah Bandar Mampan

Tahun 2021 kategori perbandaran diletakkan ketiga dalam pertandingan yang melibatkan seluruh 149 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam negara.

27. Selain itu, MPS turut meraih Anugerah Gold Award dalam audit oleh Malaysian Society of Occupational Safety and Health Award 2021 dan memenangi kategori Diamond Award untuk inisiatif di bawah Kementerian Air dan Sumber Asli bagi Low Carbon City inisiatif. Baru-baru ini juga, MPS turut memenangi Pertandingan Piala Inovasi MALA 2020 (Piala Yang Berhormat Menteri KPKT) anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) dengan menerima Geran KPKT RM25,000. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga MPS. Semoga pencapaian-pencapaian ini dapat kita kekalkan dan tingkatkan pada tahun 2022 di mana MPS akan menyambut sambutan 25 Tahun Jubli Perak MPS pada tahun hadapan.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

**UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT HARI NATAL & TAHUN
BAHARU**

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin ucapkan selamat Hari Natal kepada Ahli-Ahli Majlis dan semua kakitangan yang beragama Kristian.
29. Tahun 2021 akan kita tinggalkan tidak lama lagi dan ekspektasi dan harapan penduduk Selayang adalah tinggi untuk mendapatkan mutu perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan.
30. Saya lihat bagi tahun 2022 akan terus memberi cabaran kepada kita semua. Walaubagaimanapun, saya berdoa agar kita semua dapat melipat gandakan usaha serta dapat memberikan komitmen yang berterusan demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Selamat Tahun Baharu 2022 !
31. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh